



SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI RAYUAN GERAN KHAS PRIHATIN 2.0

1. Bilakah tarikh tempoh permohonan Rayuan Geran Khas PRIHATIN (GKP) 2.0 bermula?

Permohonan rayuan boleh dibuat bagi pemohon berstatus TIDAK LULUS bermula 7 Disember 2020 sehingga 21 Disember 2020.

2. Bagaimanakah prosedur untuk mengemukakan permohonan Rayuan GKP 2.0?

Permohonan Rayuan GKP 2.0 perlu dibuat secara dalam talian sahaja menerusi Portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my>). Tiada permohonan Rayuan GKP 2.0 secara manual di cawangan-cawangan LHDNM.

3. Apakah dokumen sokongan yang diperlukan bagi membuat permohonan Rayuan GKP 2.0?

Dokumen sokongan yang perlu dimuat naik di Portal GKP oleh pemohon bagi setiap kategori rayuan adalah seperti berikut:

KOD ALASAN	ALASAN TIDAK LULUS	DOKUMEN
01	Tidak beroperasi tahun 2020	<ul style="list-style-type: none">• Penyata kewangan perniagaan bagi tahun 2019 atau;• Penyata Bank Perniagaan / Peribadi pemohon yang terkini
02 / 03	Jualan adalah 0 atau melebihi RM 300,000	
04	Tidak wujud di agensi	<ul style="list-style-type: none">• Sijil Pendaftaran Perniagaan yang aktif sehingga 31/8/2020
05 / 06	Pekerja melebihi 4 orang	<ul style="list-style-type: none">• Borang Pendaftaran Pekerja PERKESO / Borang 8A PERKESO / Borang A KWSP atau;• Dokumen pengesahan yang berkaitan
07	Entiti perniagaan lebih 1	<ul style="list-style-type: none">• Sijil Pendaftaran Perniagaan yang aktif sehingga 31/8/2020

Setiap permohonan rayuan hanya dibenarkan memuat naik 3 lampiran dokumen sokongan yang bersaiz maksimum 2MB bagi setiap dokumen. Format dokumen yang dibenarkan adalah JPEG, JPG, PDF dan PNG sahaja.

4. Saya berstatus TIDAK LULUS atas Perniagaan A, adakah saya boleh membuat permohonan Rayuan GKP 2.0 atas Perniagaan B?

Pertukaran perniagaan bagi tujuan Rayuan GKP 2.0 adalah tidak dibenarkan.

5. Semakan status permohonan GKP 2.0 saya TIADA REKOD, adakah permohonan Rayuan GKP 2.0 boleh dibuat?

Tempoh permohonan GKP 2.0 telah ditutup pada 31 Oktober 2020. Tiada permohonan baharu GKP 2.0 dalam tempoh Rayuan GKP 2.0.

6. Bilakah tarikh pembayaran Rayuan GKP 2.0 akan dibuat?

Tarikh pembayaran rayuan GKP 2.0 akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai status permohonan GKP 2.0?

Sebarang pertanyaan mengenai status permohonan GKP 2.0 boleh hubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara).

Kemas kini pada 15 Disember 2020